5. KARNIVAL SAMBUTAN DEEPAVALI DI JALAN DATO' LEE FONG YEE PADA 29/10/2016







- Bazaar Deepavali yang telah diadakan di Jalan Dato' Lee Fong Yee anjuran Majlis Kelab Bell Belia Tamil Negeri Sembilan. Ia adalah program tahunan untuk membantu peniaga kecil menambah pendapatan sempena sambutan perayaan Deepavali.

PENYERTAAN PERTANDINGAN PERINGKAT NEGERI/LUAR

1. PERTANDINGAN ANUGERAH TANDAS BERSIH 1 MALAYSIA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2016





- Tandas Awam Jalan Pekeliling telah terpilih untuk menyertai Pertandingan Anugerah Tandas Terbersih 1 Malaysia Peringkat Kebangsaan Tahun 2016 dan berjaya menyertai hingga ke peringkat akhir.





JABATAN TAMAN DAN LANDSKAP

MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

LAPORAN TAHUNAN TAHUN 2016
MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

BIL	NO: FAIL	PROJEK-PROJEK TAHUN 2016
1.	MPS/103/SH/01/16	Cadangan membekal dan menghantar bunga annual untuk JTL
2.	MPS/103/SH/02/16	Cadangan membekal dan menghantar pokok utama palma, renek, penutup bumi dan lainlain untuk JTL
3.	MPS/103/SH/03/16	Membekal dan menghantar baja pertanian dan lainlain untuk kegunaan JTL
4.	MPS/103/SH/04/16	Membekal dan menghantar racun dan bahan kimia yang lain untuk kegunan JTL
5.	MPS/103/SH/05/16	Kerjakerja penyelenggaraan pokok utama dan perbersihan kawasan disekitar zon: 1.Seremban 2 2.Mambau. 3.Bukit Kepayang. 4.Rasah.
6.	MPS/103/SH/06/16	Cadangan Kerja-kerja penyelenggaraan pokok utama dan pembersihan dikawasan sekitar zon: 1.Lobak 2.Templer. 3.Temiang. 4.Sikamat
7.	MPS/103/SH/07/16	Kerja-kerja penyelengaraan pokok-pokok utama dan pembersihan kawasan disekitar zon: 1.Senawang 2.Paroi. 3.Rahang. 4.Jalan Seremban Tampin.
8.	MPS/103/SH/08/16	Kerjakerja membina dan menyiapkan kemudahan riadah dan peralatan permainan kanak-kanak di Taman Megah Oakland dan Taman Bukit Labu Lama, Seremban..
9.	MPS/103/SH/09/16	Cadangan menaiktaraf landskap di Jalan Seremban Kuala Pilah bermula dari Persimpangan Jalan Rahang (Balai Polis) hingga ke Persimpangan Taman Tasek

		Jaya dan Persimpangan Jalan Tuan Hj, Said, Seremban.
10.	MPS/103/SH/10/16	Cadangan kerja-kerja membaikpulih serta kerja-kerja berkaitan ditandas awam, Taman Budaya Jalan Keliling,Taman Tasek Seremban.
11.	MPS/103/SH/11/16	Kerja-kerja penyelenggaraan landskap dikawasan Jalan Senawang Kuala Pilah bermula dari tol Senawang hingga ke Persimpangan Jalan Kuala Pilah Seremban.
12.	MPS/103/SH/12/16	Kerja-kerja penyelenggaraan landskap dikawasan Jalan Seremban Tampin bermula dari persimpangan Jalan Rahang kesempadan kaw.majlis (Taman Tunku Jaafar)
13.	MPS/103/SH/13/16	Kerja-kerja pemotongan rumput dikawasan Jalan Seremban Kuala Pilah bermula dari persimpangan Jalan Rahang (Balai Polis) hingga Persimpangan Taman Tasek Jaya.
14.	MPS/103/SH/14/16	Cadangan membina dan menyiapkan Taman Rekreasi Awam di Taman Bukit Zamrud, Seremban, NSDK.
15.	MPS/103/SH/15/16	Cadangan kerja-kerja pembangunan dan kerja-kerja berkaitan diTaman Orkid untuk MPS.
16.	MPS/103/SH/16/16	Kerja-kerja membina dan menyiapkan kemudahan riadah dan peralatan permainan kanak-kanak di Garden Home fasa F Seremban 2, Seremban.
17.	MPS/103/SH/17/16	Cadangan pembinaan kanopi dan sudut komuniti serta kerja-kerja berkaitan di Persimpangan Jalan Tunku Munawir dan Jalan Sheikh Ahmad, Seremban.
18.	MPS/102/SH/18/16	Cadangan kerja-kerja membaiki hakisan kolam ditapak semaian bunga Paroi MPS dan kerja-kerja berkaitan.
19.	MPS/103/SH/19/16	Cadangan kerja-kerja cantasan dan penebangan pokok utama didalam kawasan MPS serta kerja-kerja berkaitan di mukim Bandar Seremban.
20.	MPS/103/SH/20/16	Cadangan kerja-kerja cantasan dan penebangan pokok utama didalam kawasan MPS serta kerja-kerja berkaitan bagi: 1.Mukim Ampangan 2.Mukim Labu. 3.Mukim Rantau
21.	MPS/103/SH/21/16	Cadangan kerja-kerja cantasan dan penebangan pokok-pokok utama didalam kawasan MPS serta kerja-kerja berkaitan bagi mukim Rasah, Seremban.
22.	MPS/103/SH/24/16	Cadangan membina 'Archa Seremban' di dataran Seremban di Jalan Sungai Ujung dikawasan MPS, Seremban.

JABATAN TAMAN DAN LANDSKAP
MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2016

FESTIVAL TAMAN TASIK SEREMBAN

konsep rekabentuk logo festival

"FESTIVAL TAMAN TASIK SEREMBAN 2016" – Nama rasmi program yang digunapakai dan akan dijadikan tema acara tahunan di Taman Tasik Seremban.

TUPAI - Merupakan MASKOT bagi Taman Tasik Seremban kerana haiwan ini banyak terdapat di sekitar taman dan melambangkan kelincahan.

MOTIF 3 UNSUR BUMI

-TUMBUHAN (Hijau) - Melambangkan unsur tumbuhan hiasan taman.

-TANAH (Coklat) - Melambangkan unsur tanah dan topografi taman ini.

-AIR (Biru) - Melambangkan unsur air iaitu tasik riadah di taman ini





Moh kito poie..
Festival
TAMAN TASIK
SEREMBAN 2016
www.mpsns.gov.my
12 Hingga 19hb. November 2016
Dengan pelbagai acara menarik menanti anda
FORTEEN
ACARA
TARIKH / TEMPAT
MASA
1.Jejak Bandar Seremban
(Seremban Urban Trail)
12.11.2016 / Dewan MPS
(Perasmian dan Pelancaran Festival)
07.00 pg. - 01.30 tgh.
(Flag Off 9.00 pg.)
2.Roda2 Bingit (Autoshow)
(Motorsikal dan Kereta)
12.11.2016 / Dataran Senawang
(Perjurian Motorsikal 2.30 ptg./Kereta 8.00 mlm.)
09.00 pg. - 10.30 mlm.
3.Juara Joran
13.11.2016 / Taman Tasik
07.00 pg. - 01.00 tgh.
4.Pameran Seni & Warisan
(Pameran, Permainan dan Jualan)
16 -19.11.2016 / Padang MPS
(Perasmian pada 19.11.2016 / 8.00 pg.)
10.00 pg. - 10.00 mlm.
5.Arca Taman
(Agensi Kerajaan, IPT dan Sekolah)
18 -19.11.2016 / Taman Budaya
(18.11.2016 - Perjurian 5.00 ptg. dan 8.00 mlm.)
08.00 pg. - 10.00 mlm.
(Penyampaian hadiah 9.00 mlm)
6.Melukis & Mewarna
19.11.2016 / Dewan MPS
07.30 pg. - 01.00 tgh.
7.Kompang Kebangsaan
(Gegak gempita)
19.11.2016 / Padang MPS
(Final 8 Pasukan)
08.00 mlm. - 10.00 mlm.
8.Konsert Forteen
19.11.2016 / Padang MPS
10.00 mlm. -11.30 mlm.
hubungi / layari kami di : www.mpsns.gov.my
tel : 06 7667500 hotline : 06 7667555

JABATAN TAMAN DAN LANDSKAP
MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN









JABATAN TAMAN DAN LANDSKAP
MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN





















3. Naiktaraf Rangkaian dan Keselamatan Pejabat Baru :-

i. Jabatan Taman dan Lanskap
ii. Jabatan Penilaian Hartanah
iii. Pejabat Unit Terminal 1













JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2016

1. Pelaksanaan Projek Bandaraya iaitu Mengkaji, Merekabentuk, Menaiktaraf Membangun, Memasang, Mengintegrasi, Mengujilari, Menghijrah Data, Melatih, Mentauliah Dan Menyelenggara (Dalam Tempoh Jaminan) Sub-Modul Kewangan Dan Operasi

   Tarikh mula : Februari 2016
   Tarikh siap : Disember 2018

SISTEM – SISTEM TERLIBAT			SKOP
Fasa 1			
ID Pelanggan	eCagar	eSewaan	Pembangunan Sistem Baru
Fasa 2			
eKompaun	Sist. Perakaunan Bersepadu		Menaiktaraf & Tambah Fungsi Sistem
Fasa 3			
eBil	eLesen	ePayment	Menaiktaraf Sistem
Fasa 4			
eNilai	eTaksir	Portal	Menaiktaraf & Tambah Fungsi Sistem





2. Pelaksanaan projek Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji, Mengkonfigurasi Dan Mentauliah Sistem Rangkaian Berwayar Dan Tanpa Wayar, Kamera IP, Infrastruktur Keselamatan Dan Penyelenggaraan (Didalam Tempoh Jaminan) Perkakasan Dan Perisian Untuk Kamera Litar Tertutup (CCTV) – Fasa 3

Tarikh mula : Julai 2016
Tarikh siap : Mei 2017

Pemasangan 16 unit kamera litar tertutup di lokasi – lokasi berikut :-


i. CIMB Jalan Tuanku Munawir
ii. Bazar MPS Jalan Lee Sam
iii. Terminal 2/Pasaraya Mydin
iv. Public Bank Jalan Rasah
v. Simpang KFC Jalan Templer/Jalan Tun Dr Ismail
vi. Pasaraya Madura/Jalan Yam Tuan
vii. Millenium Business Centre Jalan Lobak
viii. Dataran Seremban
ix. Parking Motor KM Plaza
x. Pejabat Pos Utara
xi. Terminal 1 (Depan Perhentian Bas)
xii. Jalan Seng Meng Lee
xiii. Taman Tasik/Jabatan Pelajaran NS
xiv. Seremban Parade/A&W
xv. Kemayan Square
xvi. Padang MPS Jalan Yam Tuan

JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN



Pemasangan Kabel di Hospital Tuanku Jaafar



Pemasangan Kabel di IPD



Pemasangan Kabinet

JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN



Pengujian Penghawa dingin dan workstation




Pengujian Monitor

4. Pembelian Perkakasan Komputer bagi Tahun 2016

Jabatan telah membeli perkakasan komputer serta pencetak bagi kegunaan jabatan – jabatan di MPS.

Tarikh mula : Mac 2016
Tarikh siap : Julai 2016



Laporan Bilangan Komputer & Pencetak Mengikut Jabatan Bagi Tahun 2016



Pemasangan komputer baru di Jabatan Penilaian Hartanah

5. Laporan Aduan Kerosakan Komputer / Pencetak Sepanjang Tahun 2016

Bulan	Bil. Aduan Kerosakan	Dalam Tempoh 7 hari	Lebih Tempoh 7 Hari	Peratus (%)
Jan	0	0	-	-
Feb	7	7	-	100
Mac	29	27	2	93
April	17	11	3	64
Mei	10	10	-	100
Jun	21	21	-	100
Julai	11	11	-	100
Ogos	38	38	-	100
Sept	5	5	-	100
Okt	19	19	-	100
Nov	11	11	-	100
Dis	10	10	-	100

6. Menghadiri Program Technology Update "The Adaptive Trust Defense – Protecting the Digital Workplace" di Hotel Hilton Kuala Lumpur pada 12 April 2016, anjuran Syarikat Hewlet Packard.





7. Aktiviti Mendaki Bukit Broga, Semenyih pada 4 Disember 2016 bermula jam 7.30 pagi hingga 11.00 pagi.









JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI


MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

PENAMBAHBAIKAN JABATAN BAGI TAHUN 2016

1. Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kutipan Baru









2. Pelaksanaan Aplikasi Mobile Aduan MPSNS dalam platform Android dan App Store

GET IT ON Google play dan App Store Download on the App Store



3. Pelaksanaan Aplikasi Mobile Semakan Kompaun dalam platform Android

GET IT ON Google play







JABATAN PENILAIAN HARTANAH

MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2016

Sepanjang tahun 2016 ini, Jabatan Penilaian Hartanah telah mengadakan beberapa program antaranya membuka kaunter pertanyaan di Pusat Beli Belah. Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan disamping mendidik orang awam berkaitan tujuan dan kepentingan kutipan cukai taksiran kepada sesebuah PBT. Program ini juga bertujuan untuk mengemaskini maklumat harta dan pemilik. Program yang diadakan ini turut melibatkan kakitangan dari Jabatan Pelesenan dan Pembersihan, Jabatan Undang-undang dan Jabatan Komuniti dan Perhubungan Awam MPS. Kaunter ini dibuka pada hari Sabtu sepanjang bulan Mei 2016, bermula dari jam 10.00 pagi sehingga 5.00 petang.

Antara lokasi Pusat Beli Belah yang terlibat adalah seperti berikut :-

i). Mydin Mall Seremban 2, pada 4 Mei 2016
ii). Pasaraya Econsave, Forest Height Senawang pada 11 Mei 2016
iii). Pasaraya Aeon Big, Seremban 2, pada 18 Mei 2016
iv). Angsana Mall, Ampangan pada 25 Mei 2016

Selain itu jabatan turut terlibat dengan Program Tahunan MPS iaitu Festival Taman Tasik Seremban. Sempena Festival tersebut Jabatan Penilaian merupakan Jawatankuasa Kecil dan Urusetia bagi Program Pameran Seni Dan Warisan 2016. Program ini berlangsung selama 4 hari iaitu bermula pada 16 November 2016 sehingga 19 November 2016. Program ini diadakan di Padang NS bersebelahan dengan Dewan MPS. Banyak pameran dan aktiviti menarik yang di sediakan semasa program tersebut berlangsung.





JABATAN PENILAIAN HARTANAH
MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN















Bagi memantapkan pengetahuan dalam bidang kerja seharian jabatan turut mengadakan lawatan kerja ke kawasan luar dari Seremban iaitu ke agensi dan ke PBT-PBT lain bagi mempelajari dan menambah pengetahuan akademik dan isu semasa. Antara lawatan kerja yang di buat sepanjang tahun 2016 adalah seperti berikut :-

Lawatan ke Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya
pada 11 Mac 2016
Tujuan lawatan : Kerja-kerja Penilaian Semula Cukai Taksiran.



Lawatan ke Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya

Lawatan ke Petronas Pipe Line, Dengkil Putrajaya pada 20 April 2016-berkaitan kerja pemprosesan minyak dari Pelantar ke Stesen Minyak dan jenis-jenis paip yang digunakan termasuk kos setiap peralatan yang digunakan dalam proses tersebut.





Lawatan ke Petronas Pipe Line, Dengkil Putrajaya pada 20 April 2016

i. Lawatan ke Majlis Perbandaran Sepang pada 1 Jun 2016- berkaitan faktor yang menyumbang peningkatan hasil yang tinggi kepada PBT tersebut.
ii. Lawatan ke Majlis Perbandaran Subang Jaya pada 30 September 2016-berkaitan perlaksanaan Caj Pemajuan.
iii. Lawatan ke Petronas Gas Sg. Gadut Seremban pada 11 Oktober 2016- berkaitan dengan Laluan paip Gas di kawasan Seremban
iv. Lawatan ke Majlis Bandaraya Shah Alam pada 18 Oktober 2016- berkaitan kerja-kerja dan Proses Penilaian Semula Harta



Lawatan ke Majlis Bandaraya Shah Alam pada 18 Oktober 2016- berkaitan kerja-kerja dan Proses Penilaian Semula Harta

JABATAN PENILAIAN HARTANAH
MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

Jabatan Penilaian Hartanah turut mengadakan Seminar bagi semua kakitangan Jabatan Penilaian khusus untuk kakitangan teknikal iaitu seminar bagi Pegawai Penilaian, Pen. Pegawai Penilaian dan Pembantu Penilaian. Seminar ini melibatkan seramai 20 orang kakitangan teknikal jabatan Penilaian termasuk seorang Pembantu Tadbir sebagai urusetia bagi program yang dianjurkan sendiri oleh jabatan. Seminar ini lebih menekankan kepada aspek-aspek teknikal dalam pekerjaan sebagai kakitangan Penilaian. Seminar ini diadakan di PNK Sepang Resort, Bagan Lalang, Selangor pada 25 hingga 28 Julai 2016. Antara tajuk seminar yang di bentangkan adalah Penilaian Hartanah Khas seperti Penilaian Talian Penghantaran Bervoltan Tinggi TNB (Rentis), Penilaian Paip Minyak dan Gas, Penilaian Kuari dan Penilaian Empangan. Penceramah jemputan merupakan individu yang menjalankan praktis dan mempunyai kepakaran di dalam bidang yang berkenaan.





Seminar Hartanah Khas di PNK Sepang Resort, Bagan Lalang, Selangor pada 25 hingga 28 Julai 2016

JABATAN PENILAIAN HARTANAH
MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

PENGHARGAAN/PENGIKTIRAFAN/PENCAPAIAN YANG DITERIMA

Jabatan Penilaian Hartanah telah menyertai pertandingan Inovasi kategori Pengurusan diperingkat MPS pada tahun 2016 . Jabatan telah mendapat Naib Johan dalam pertandingan tersebut dengan membentangkan tajuk " Pendaftaran Surat Menyurat Dikaunter Pertanyaan.



Seminar Hartanah Khas di PNK Sepang Resort,
Bagan Lalang, Selangor pada 25 hingga 28 Julai 2016





Sesi demonstrasi penggunaan modul surat menyurat di kaunter pertanyaan
Jabatan Penilaian Hartanah MPS

Pada 6 Disember 2016, Jabatan Penilaian telah merangkul tempat kedua dalam pertandingan Karaoke peringkat MPS dengan tajuk lagu yang disampaikan “Kuda Hitam” dan “Jauh” serta membawa pulang hadiah RM2500 tunai manakala menjadi juara dalam kategori persembahan dan membawa pulang RM1000 tunai pada malam tersebut.





Peserta dan krew pertandingan karaoke Jabatan Penilaian Hartanah 2016



Persembahan kedua karaoke dengan tajuk lagu “ Kuda Hitam”



Persembahan lagu pertama karaoke dengan tajuk “Jauh”





JABATAN KAWALAN BANGUNAN

MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

LAPORAN PENCAPAIAN SASARAN KERJA TAHUN 2016


JABATAN : JABATAN KAWALAN BANGUNAN MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN — Page 1

	Bidang Keberhasilan Utama Jabatan	Petunjuk Prestasi Utama (Sasaran)	Sasaran Tahun 2016 (%)	Unjuran Peratus (%) Pencapaian Sehingga 31 Disember 2016	Pencapaian Tahun 2015 (%)	Catatan / Pencapaian 2016
	ndaftar mohonan pelan-pelan bangunan bercorak rumah teres, bangun kedai, perindustrian, bang komersial, rumah pangsa, an sementara dan lain-lain yang emukakan oleh perunding samada secara individu atau agensi swasta dan kerajaan untuk kelulusan.					1.Bergantung kepada permohonan semasa.
	a) Skim perumahan (KB 1)	15 Fail	100 %	167 %	150 %	25 Fail
	b) Perdagangan / komersial (KB 2)	30 Fail	100 %	127 %	100 %	38 Fail
	c) Persendirian / banglo (KB 3)	50 fail	100 %	104 %	130 %	62 Fail
	d) Kilang industri (KB 4)	15 Fail	100 %	153%	150%	23 Fail
	e) Ubahan / tambahan (KB 5)	200 Fail	100 %	140%	106 %	280 Fail
	f) Lain-lain kategori bangunan (KB 6)	30 Fail	100 %	143%	140 %	43 Fail
	g) Pelan-pelan standard (KB 7)	10 Fail	100 %	150%	150 %	10 Fail
	h) Antena Telekomunikasi	5 Fail	100 %	200 %	100 %	15 Fail
	JUMLAH	355 Fail		140 %	135	496 Fail

LAPORAN PENCAPAIAN SASARAN KERJA TAHUN 2016

JABATAN : JABATAN KAWALAN BANGUNAN MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN — Page 2

	Bidang Keberhasilan Utama Jabatan	Petunjuk Prestasi Utama (Sasaran)	Sasaran Tahun 2016 (%)	Unjuran Peratus (%) Pencapaian Sehingga 31 Disember 2016	Pencapaian Tahun 2015 (%)	Catatan / Pencapaian 2016
2.	Memproses kelulusan pelan-pelan bangunan bercorak rumah teres, bangunan kedai, perindustrian, bangunan komersial, rumah pangsa, bangunan sementara dan lain-lain yang dikemukakan oleh perunding samada secara individu atau agensi swasta dan kerajaan untuk kelulusan.					1. Bergantung kepada permohonan semasa. 2. Bergantung kepada keadaan ekonomi semasa dan kenaikan kos bahan binaan 3. Permohonan ditolak kerana tidak memenuhi syarat
	a) Skim perumahan (KB 1)	15 Fail	100 %	267%	200 %	40 Lulus
	b) Perdagangan / komersial (KB 2)	20 Fail	100 %	190%	150 %	38 Lulus
	c) Persendirian / banglo (KB 3)	30 Fail	100 %	183%	150 %	55 Lulus
	d) Kilang industri (KB 4)	15 Fail	100 %	132%	130%	20 Lulus
	e) Ubahan / tambahan (KB 5)	200 Fail	100 %	100%	100 %	200 Lulus
	f) Lain-lain kategori bangunan (KB 6)	20 Fail	100 %	150%	100 %	30 Lulus
	g) Pelan-pelan standard (KB 7)	10 Fail	100 %	100%	100 %	10 Lulus
	h) Antena Telekomunikasi	5 Fail	100 %	100%	100%	5 Lulus
	JUMLAH	315 Fail	100 %	126%	120 %	398 Fail



AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2016

1. **AKTIVITI : PROGRAM GO – GREEN 2016**

TEMPAT : SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN SRI MAWAR

TARIKH : 7 MEI 2016









2. **AKTIVITI : PROGRAM INTERNATIONAL GREENTECH & ECOPRODUCTS EXHIBITION & CONFERENCE MALAYSIA (IGEM) 2016**

TEMPAT : KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE

TARIKH : 5 OGOS HINGGA 8 OGOS 2016









3. AKTIVITI : SEMINAR KEPENTINGAN PENGGUNAAN TANGGA KEDUA & PERLAKSANAAN DUA STRUKTUR TANGGA YANG BERASINGAN BAGI PREMIS PERNIAGAAN BERTINGKAT DALAM KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

TEMPAT : BILIK PAMERAN,DEWAN PERBANDARAN SEREMBAN

TARIKH : 14 SEPTEMBER 2016









4. AKTIVITI : PROGRAM GO – GREEN 2016

TEMPAT : SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN SRI KELANA, JALAN DATO' SIAMANG GAGAP, SEREMBAN

TARIKH : 5 NOVEMBER 2016









5. AKTIVITI : PERTANDINGAN MEWARNA SEMPENA FESTIVAL TAMAN TASIK SEREMBAN 3016

TEMPAT : DEWAN PERBANDARAN SEREMBAN

TARIKH : 19.NOVEMBER 2016









LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Seremban bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2015 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

Tanggungjawab Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Majlis juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi memboleh kan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Pawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang

benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

Pendapat

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Seremban pada 31 Disember 2015 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

(ALLIAS BIN ALWI)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

SEREMBAN
17 JUN 2016

1) Pembekal data kepada Sistem maklumat Geografi N.Sembilan (G159)



Surat Pelantikan

Kerajaan Negeri Sembilan dengan sukacitanya melantik
Y. Bhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan

YANG DIPERTUA

MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

sebagai

PEMBEKAL DATA KEPADA
SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI NEGERI SEMBILAN
(GIS9)

mulai 1 September 2016

Y.B. DATO' HAJI MAT ALI BIN HASSAN
Setiausaha Kerajaan Negeri
Negeri Sembilan Darul Khusus

2) 5 Years Customers Support appreciation



3) Program Penghargaan pelaksanaan inisiatif pembangunan kejiranan Hijau 2016

Sijil Penyertaan

MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada

MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

kerana telah menyertai

PROGRAM PENGHARGAAN
PELAKSANAAN INISIATIF PEMBANGUNAN KEJIRANAN HIJAU 2016

sempena

KARNIVAL KPKT 2016
"Bandar Mampan Komuniti Sejahtera"

pada

3 Disember 2016

Dataran Merdeka, Kuala Lumpur

YB TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR
Menteri
Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan


No. Siri 16/00429318

4) Johan Konvensyen Kumpulan Kreatif dan Inovatif (Kategori Teknikal) Peringkat Negeri Sembilan Darul Khusus Tahun 2016





Keratan Akhbar



ABD. HALIM ABD. LATIF

Bangunan komersial baharu disyaratkan bina tangga kedua, hadapi kes kecemasan

SEREMBAN 2 Okt. - Semua bangunan komersial baharu di dalam kawasan Majlis Perbandaran Seremban (MPS) telah disyaratkan membina tangga kedua di premis berkenaan bagi membolehkan orang ramai menyelamatkan diri ketika berlaku kecemasan.

Yang Dipertua MPS, Datuk Abd. Halim Abd. Latif berkata, penyediaan tangga kedua pernah dibuat untuk bangunan rumah kedai yang dibina dalam tahun 70-an dan 80-an tetapi ditiadakan sejak itu kerana pemaju cenderung menawarkan ruang lebih luas kepada pembeli.

Beliau berkata, ini menyebabkan penyewa atau pengusaha perniagaan berkaitan orang ramai terpaksa membina tangga kedua bagi memenuhi syarat permohonan lesen perniagaan seperti yang terkandung dalam Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Pihak Berkuasa Tempatan, Ne-geri Sembilan) 1986.

"Antaranya ialah pengusaha spa, pusat latihan dan pusat tuisyen atau jenis perniagaan yang menyebabkan orang ramai datang ke premis berkenaan.

"Pembinaan tangga kedua ini selepas bangunan telah siap menyebabkan ruang di belakang kedai menjadi sempit, longkang tertutup selain pemandangan yang tidak cantik," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Seminar Kepentingan Penggunaan Tangga Kedua dan Pelaksanaan Dua Struktur Tangga Berasingan Bagi Premis Kedai dan Pejabat Bertingkat Dalam Kawasan MPS di sini.

Seramai 150 peserta terdri daripada persatuan pemaju perumahan, persatuan peniaga dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menghadiri seminar tersebut.

Abd. Halim berkata, bagi mengatasi masalah itu, adalah lebih baik pemaju projek menyediakan tangga kedua semasa bangunan sedang dibina.

"Saya yakin ia tidak melibatkan kos yang besar malah projek mereka akan mempunyai daya tarikan kerana pembeli tidak perlu membuat tambahan bagi memenuhi syarat yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan dan bomba," ujarnya.

MPS anjur Gagak Gempita buat julung kali

SEREMBAN - Buat pertama kali, Majlis Perbandaran Seremban (MPS) menganjurkan pertandingan Gagak Gempita atau pertandingan kompang kebangsaan sempena Festival Taman Tasik Seremban 2016 pada 19 November ini.

Yang Dipertuanya, Datuk Abdul Halim Abdul Latiff berkata, pertandingan itu sebahagian acara menarik yang akan diadakan sempena festival tersebut yang bermula dari 12 hingga 19 November ini.

"Hadiah lumayan berjumlah RM4,000 bakal menanti pemenang yang menyertai pertandingan tersebut.

"Setakat ini, enam pasukan sudah mengesahkan akan menyertai pertandingan terbabit; antaranya pasukan dari Perak, Pahang, Sekolah Menengah Agama Persekutuan (SMAP) Labu, dan Sekolah Menengah Teknik Cheras, Kuala Lumpur.

"Kita jangkakan 20 pasukan akan menyertai pertandingan itu nanti," katanya kepada *Sinar Harian* di sini.

Abd Halim berkata, hadiah keseluruhan berjumlah RM18,000 juga bakal menanti pemenang pertandingan memancing 'Juara Joran' di Taman Tasik Seremban Fasa 2 dan 3, yang akan di adakan pada 13 November.

Katanya, juara pertandingan itu akan membawa pulang RM8,000; naib juara RM5,000; tempat ketiga RM3,000; keempat RM1,000 manakala tempat kelima hingga kesepuluh, masing-masing menerima RM200.

Dua PBT tubuh pasukan hadapi musim tengkujuh

SEREMBAN - Majlis Perbandaran Seremban(MPS) dan Majlis Perbandaran Nilai (MPN) akan menubuhkan *Pasukan Tunggu Sedia* sebagai persiapan menghadapi musim tengkujuh tidak lama lagi.

Yang Dipertua MPS dan MPN, Datuk Abd Halim Abd Latif berkata, pasukan berkenaan yang dianggotai anggota renjernya akan bersedia 24 jam bermula November ini bagi menghadápi sebarang kemungkinan.

"Memandangkan tidak lama lagi dijangka musim tengkujuh, kita akan aktifkan semula *Pasukan Tunggu Sedia* untuk bersedia dan memantau jika ada berlakunya perkara berkaitan kejadian tanah runtuh, ribut atau pokok tumbang sekali.

"Di kawasan MPS, seramai 50 anggota renjer terlibat. Manakala di kawasan MPN pula seramai 30 anggota renjer ditugaskan secara giliran dalam tempoh 24 jam," katanya ketika ditemui pada Majlis Penyampaian Hadiah Karnival Sukan Rakyat Dun Paroi di Taman Pinggiran Senawang di sini, semalam.

Abd Halim berkata, kerja-kerja mencantas pokok turut dilakukan secara berkala sejak awal tahun lagi bagi mengelakkan berlakunya kejadian pokok tumbang yang boleh mengancam nyawa orang ramai.

"Jika penduduk ada lihat keadaan pokok-pokok yang berbahaya di tepi jalan misalnya, boleh maklum kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk diambil tindakan." katanya.

MPS temui cara atasi najis burung

Seremban: Majlis Perbandaran Seremban (MPS) mengenal pasti kaedah terbaik bagi mengatasi masalah najis burung terlalu banyak di sekitar medan selera di tingkat dua Pasar Besar Seremban, di sini.

Pengarah Bahagian Pelesenan dan Pembersihannya Iskandar Ariffin berkata, pihaknya sebelum ini memasang jaring pada bahagian bumbung di medan selera itu untuk mengelak najis jatuh ke lantai.

Katanya, kaedah itu tidak berkesan disebabkan najis yang terperangkap lama-kelamaan berkecai dan jatuh menerusi jaring.

"Sehubungan itu, pihak kami (MPS) mencari alternatif baru bagi menyelesaikan masalah berlarutan sejak lima tahun lalu.

"Antara perancangan dikenal pasti adalah memasang siling pada bahagian bumbung di tingkat dua terbabit," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melawat Pasar Besar Seremban bersama Ahli Majlis MPS dan Persatuan Kebajikan Pasar Seremban, di sini, baru-baru ini.

Iskandar berkata, najis itu terlalu banyak disebabkan burung memasuki pasar pada waktu malam menerusi bumbung.

Keratan Akhbar

Teraju galak bina projek di tanah rizab Melayu



HALIMI ABD. MANAF (dua dari kiri) mendengar penerangan daripada Pengarah Kanan (Keusahawanan dan Pembangunan Perniagaan) TERAJU, Megat Mohd. Yatim Megat Hamid (kiri sekali) semasa melihat pameranTERAJU di Rasah, Negeri Sembilan, semalam.

RASAH 19 Mei – Sebanyak RM97.67 juta telah diluluskan oleh Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) melalui Dana Mudahcara bagi pembinaan 50 projek hartanah di atas tanah rizab Melayu dan tanah adat di seluruh negara.

Ketua Pegawai Eksekutif Teraju, Datuk Husni Salleh berkata, kesemua projek berkenaan mempunyai nilai pembangunan kasar (GDV) kira-kira RM1.54 bilion.

Beliau berkata, dana tersebut ditawarkan bertujuan menggalakkan pembangunan di tanah rizab Melayu dan tanah adat yang sering berhadapan dengan kesukaran mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan.

"Insentif yang diterima daripada Dana Mudahcara ini akan membolehkan projek lebih berdaya maju untuk dilaksanakan sehingga siap yang mana ia diterjemahkan kepada pengurangan kos dalam pembinaan.

"Ini akan memanfaatkan pembeli yang menikmati harga lebih rendah atau menikmati faedah tidak langsung seperti pemberian insentif tunai.

"Teraju berharap untuk melihat lebih banyak syarikat bumiputera memanfaatkan dana ini dengan mengambil bahagian secara aktif dalam pembinaan rumah mampu milik," katanya dalam sidang akhbar selepas majlis pelancaran projek perumahan Taman Puncak Rasah dekat sini hari ini.

Pelancaran itu telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimi Abd. Manaf yang mewakili Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan.

Yang turut hadir Yang Dipertua Majlis Perbandaran Nilai, Datuk Abd. Halim Abd. Latif dan Pengarah Urusan Citra Upaya Sdn. Bhd., Datuk Rahman Harun.

Taman perumahan itu dibangunkan oleh syarikat bumiputera, Citra Upaya di kawasan tanah rizab Melayu seluas 1.9 hektar yang merangkumi 194 unit rumah apartmen lima tingkat.

Semua unit rumah berkenaan yang ditawarkan pada harga antara RM186,800 sebuah hingga RM199,800 sebuah telah habis dijual kepada pembeli bumiputera.

50 projek rumah Teraju dalam pembinaan



Halimi (tengah) menyampaikan replika cek bernilai RM10,000 kepada pembeli rumah bagi kos pengubahsuaian di Taman Puncak Rasah, semalam. Turut kelihatan, Husni (empat, kiri).

SEREMBAN - Sebanyak 50 projek perumahan melalui Inisiatif Dana Mudah Cara Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) sedang dilaksanakan di tanah rizab Melayu dan adat di seluruh negara.

Ketua Pegawai Eksekutif Teraju, Datuk Husni Salleh berkata, Teraju telah menyalurkan sebanyak RM97 juta kepada 50 projek perumahan itu yang dijangka siap dalam tempoh tiga tahun.

"Peruntukan itu adalah insentif diberikan kepada pemaju Bumiputera yang menunjukkan prestasi cemerlang dalam projek pembangunan dikendalikan mereka.

"Kita memberi insentif dengan nilai 10 peratus daripada kos keseluruhan projek pembinaan yang mereka jalankan sebagai sokongan dan galakan dari kerajaan," katanya.

Menurutnya, masalah utama yang dihadapi pemaju Bumiputera ialah kesukaran mendapat pinjaman dari institusi kewangan.

"Melalui dana mudahcara ini dapat membantu pemaju Bumiputera membangunkan projek di atas tanah rizab Melayu, sekali gus membantu pembeli Bumiputera mendapatkan rumah dengan harga berpatutan.

"Projek Taman Rasah merupakan projek pertama siap dan 49 projek lain di Selangor, Sabah, Sarawak dan negeri lain dalam proses pembinaan yang kita jangka siap dalam tempoh tiga tahun," katanya kepada media selepas Majlis Pelancaran Taman Puncak Rasah yang dibina Citra Upaya Sdn Bhd, di sini, semalam.

Majlis dirasmikan Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar), Datuk Halimi Abd Manaf.

Hadir sama, Pengarah Urusan Citra Upaya Sdn Bhd, Datuk Abdul Rahman Harun.

Sementara itu, Datuk Halimi berkata, sebanyak 323 syarikat Bumiputera telah menerima manfaat dari dana mudah cara, di mana sebanyak 84 syarikat teras berjaya mendapat kelulusan.

"Setakat ini, sebanyak RM1.26 bilion dana mudah cara telah diluluskan kepada syarikat-syarikat berkenaan secara keseluruhan," katanya.

Dalam pada itu, Taman Puncak Rasah di sini merupakan pembangunan empat blok pangsapuri lima tingkat oleh Citra Upaya Sdn Bhd itu menyokong inisiatif kerajaan untuk meningkatkan penyediaan rumah mampu milik yang menyasarkan golongan muda baru bekerja dan kumpulan pertengahan.

Sebanyak 194 unit rumah diatas tanah rizab Melayu seluas 4.8 ekar itu dijual dengan harga antara RM186,800 hingga RM199,800 yang jauh lebih rendah dari harga pasaran.

Keratan Akhbar

编辑：林宝珠 星洲日报

芙市會：違規將罰款

垃圾分類下半年執法

（芙蓉7日讯）芙蓉市议会主席拿督阿都哈林指出，政府用了近一年时间教育人民垃圾是可被再循环使用，所以希望学生能提高爱护环境的意识。

PROGRAM GO-GREEN PADA KALI INI TELAH DIADAKAN DI SK TAMAN SRI MAWAR OLEH MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN. PROGRAM INI BERTUJUAN MENDIDIK PELAJAR MEMELIHARA KEHIDUPAN HIJAU SERTA PENGASINGAN DAN KITARAN SEMULA SAMPAH



▲阿都哈林（前排右二）为“Go-Green”活动进行开幕剪彩仪式。



▲阿都哈林（左）赞扬学生以再循环物创做出有趣的作品；左二起为芙蓉市议员叶小珊及玫瑰花园国小校长法丽达。

2 | metroplus | 08-04-2016 MNS

>>MPS kenakan kompaun RM250 bagi setiap kesalahan membolot petak parkir

HARIAN METRO

Tak berani alih tanda

■ *Pengguna bimbang kenderaan dicalar, tayar pancit*



JALAN sesak apabila pengguna perlu berpusing beberapa kali mencari parkir yang tidak bertanda.

«DARI MUKA 1

Pekerja swasta, Amirul Hassan, 27, berkata, dia menghabiskan masa lebih setengah jam memarkir kenderaan akibat sikap pentingkan diri peniaga.

“Amat menyakitkan hati apabila segelintir peniaga meletakkan pelbagai objek di petak parkir untuk mengelak orang lain meletakkan kenderaan di situ.

“Apabila pelanggan mereka tiba, penjaga premis segera mengalihkan objek terbabit dan meletakkannya semula sebaik pelanggan beredar,” katanya.

Pengunjung, Mohamed Arif Ahmed, 37, berkata, masalah itu sudah lama berlaku, namun tiada tindakan diambil menyebabkan peniaga mengulangi kesalahan sama.

“Jika pihak berkuasa mempertingkatkan operasi dengan mengenakan kompaun berterusan, masalah ini tidak berulang,” katanya.

Bagi Shahrizal Maamor, 32, dia membeli pelekat parkir tahunan daripada Majlis Perbandaran Seremban (MPS) namun kesal kerana gagal mendapatkan petak parkir di petak MPS.

“Saya tahu parkir disewa ditanda dengan garisan kuning, tetapi peniaga turut membolot petak terbabit. Ia menyebabkan pemegang pelekat tahunan gagal memperoleh petak parkir.

“Saya tidak berani mengalihkan objek kerana bimbang jika kenderaan diapa-apakan seperti dicalar selain tayar pancit,” katanya.

Sementara itu, Yang Dipertua MPS Datuk Abd Halim Abd Latif berkata, pihaknya mempertingkatkan operasi terhadap peniaga yang membolot petak parkir di lokasi terbabit.

“Mereka yang melakukan kesalahan itu dikompaun RM250 bagi setiap kesalahan.

“Peniaga yang gagal melunaskan kompaun berkenaan tidak dibenarkan memperbaharui lesen perniagaan,” katanya.

Keratan Akhbar

今日 森美聞

報導 ◆戴美清

攝影 ◆黃健偉



顾客日反应不错

ORANG AWAM LEBIH TERTARIK SEKIRANYA MPS MEMBUAT HARI BERSAMA PELANGGAN DI PASARAYA. BUKTINYA TERDAPAT 30 PELANGGAN YANG MENDAFTAR DAN TERDAPAT 13 ADUAN YANG DITERIMA SEPANJANG PROGRAM HARI BERSAMA PELANGGAN YANG DIADAKAN DI MYDIN MALL S2. MPS AKAN MENGADAKAN PROGRAM TERSEBUT SETIAP HARI SABTU BULAN MEI DI KAWASAN SEPERTI, PASARAYA MYDIN S2 (7 MEI 2016), PASARAYA ECONSAVE (14 MEI 2016), PASARAYA JUSCO S2 (21 MEI 2016) DAN PLAZA ANGSANA AMPANGAN (28 MEI 2016). SEPANJANG PROGRAM TERSEBUT, MPS JUTGA ADA MEMPROMOSIKAN PERTANDINGAN GUSTI LENGAN YANG AKAN DIADAKAN PADA 22 MEI 2016 BERTEMPAT DI DEWAN SERBAGUNA MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN. SETIAP PELANGGAN YANG MENDAFTAR PADA HARI TERSEBUT AKAN MENERIMA CENDERAMATA DARIPADA MPS. MPS JUGA MENGAMBIL INISIATIF DENGAN BEKERJASAMA DENGAN SWM DAN SWCORP BAGI MEMBERI KEMPEN KESEDARAN PENGASINGAN SAMPAH DAN SISA PEPEJAL.

■在商场举办的市议会顾客日，更容易接触人群。

親民

1时至下午5时，下周六（14日）将在绿峰令宜康省超级市场设立柜台；5月21日在芙蓉新城永旺购物中心，5月28日订于暗邦岸弗莎娜商场。

市议会顾客日提供的服务包括：产业转名或更换地址、更新产业及门牌税业主资料、关于门牌税投诉或询问、查询罚单详情或罚款上诉、有关市议会执法的投诉、执照及卫生投诉、法律及执法咨询服务、“电子群众”投诉及查询、申请举办大扫除运动。



■芙蓉市议会主动出击，在商场设立柜台，让民众可反映社区的民生问题。



■森州SWM环保有限公司员工派发住家垃圾分类的宣传单给民众。

Masalah banjir berakhir tidak lama lagi

SEREMBAN – Masalah banjir kilat di Taman Bukit Kelisa, di sini, bakal berakhir tidak lama lagi apabila kerja naik taraf longkang di taman berkenaan sedang dilakukan kontraktor.

Adun Bukit Kepayang, Cha Kee Chin berkata, penduduk kini menarik nafas lega apabila masalah yang membelenggu penduduk sejak lebih 10 tahun itu bakal berakhir.

"Setiap tahun pasti beberapa rumah penduduk di taman ini akan dimasuki air akibat banjir kilat yang berlaku setiap kali hujan lebat.

"Masalah mungkin berpunca dari sistem perparitan yang menyebabkan berlakunya banjir. Begitu juga dengan pembukaan taman baru berhampiran yang menjadi punca masalah ini," katanya.

Menurutnya, pihaknya berterima kasih kepada kerajaan negeri dan Majlis Perbandaran Seremban (MPS) kerana membantu menyelesaikan masalah rakyat.

"Masalah ini telah saya panjangkan kepada MPS pada hujung tahun lalu dan juga telah dibawa ke sidang Dun.


"Jawapan yang saya terima berpunca dari masalah longkang yang tidak mampu menampung masalah kuantiti air yang banyak. Jadi, saya telah minta sistem perparitan dinaik taraf supaya longkang dapat menampung jumlah air yang banyak," katanya di sini, semalam.

Kee Chin berkata, projek naik taraf membabitkan longkang lebih 100 meter itu dijangka siap dalam tempoh sebulan.

"Saya berharap apabila siapnya projek ini masalah banjir kilat dapat diatasi dan menamatkan penderitaan penduduk selama ini," katanya.



Kee Chin melihat kerja naik taraf longkang di Taman Bukit Kelisa.



Kerja naik taraf longkang sedang dilakukan.



ANNUAL REPORT

MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN
Wisma Perbandaran,Jalan Yam Tuan, 70990 Seremban.
Tel: 06-766 7500 Fax: 06-763 7449

LAMAN WEB:
http:// www.mpsns.gov.my